

25/09/1998

Nube sokong langkah kawalan

KESATUAN Pekerja-Pekerja Bank Kebangsaan (Nube) semalam menyatakan sokongan penuhnya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan langkah pengawalan tukaran asing serta modal kerajaan.

Kesatuan yang mempunyai 30,000 ahli, menyatakan hasil daripada langkah yang diambil, kadar faedah menurun, kegiatan ekonomi meningkat dan paras harga kini stabil.

Apa yang lebih penting, katanya, dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, spekulasi mata wang dapat dihentikan.

"Nube dan Malaysia akan terus menyokong Dr Mahathir. Kini ada harapan yang krisis ini dapat ditangani dengan penawar Dr Mahathir. Mengambil penawar Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) adalah sama seperti menelan racun," demikian Setiausaha Agung Nube, K Sanmugam dipetik sebagai berkata.

"Daripada pengalaman, kami yakin Dr Mahathir akan memimpin kita keluar daripada krisis ini. Setiap orang mesti sokong langkah pengawalan modal. Tentunya, bagi seseorang pemimpin itu berjaya, beliau harus tegas, berkesan dan kuat," tambahnya.

Kesatuan itu juga mengecam media asing kerana asyik mengkritik Malaysia kerana tidak menerima pakai dasar IMF.

(END)